

KEPENTINGAN KAJIAN SIKAP DALAM PENENTUAN ISTILAH BAHASA MELAYU

Halimah Haji Ahmad

PENDAHULUAN

Keperluan terhadap istilah dalam pelbagai bidang ilmu memang tidak dapat dinafikan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya menghasilkan 650 000 istilah (DBP, 1993) untuk mengisi keperluan tersebut. Namun begitu, maklum balas terhadap penggunaan istilah-istilah tersebut dari aspek pengguna masih belum banyak dilakukan. Kajian yang melibatkan sikap pengguna terhadap leksis khusus ini merupakan satu usaha untuk menilai pembabitan kita dalam usaha menyediakan korpus ini.

PENGUKURAN SIKAP BAHASA

Istilah merupakan salah satu unsur bahasa. Sikap terhadap bahasa boleh dilakukan mengikut pendekatan yang diberikan oleh ahli-ahli psikologi sosial kerana bidang bahasa juga berkaitan dengan tingkah laku manusia dalam hubungan sosialnya. Oleh itu, pendekatan sikap bahasa secara bahasa boleh dilakukan.

Fasold (1984) menjelaskan bahawa setengah-setengah kajian tentang sikap bahasa boleh dilakukan dengan meminta responden atau subjek kajian memberikan pendapat mereka tentang ciri-ciri sesuatu bahasa:

“Subjects in these studies are asked if they think a given language variety is ‘rich’, ‘poor’, ‘beautiful’, ‘ugly’, ‘sweet sounding’, ‘harsh’, and the like”. (1984, hlm. 148).

Melalui keterangan Fasold di atas, maka penilaian terhadap sesuatu bahasa itu boleh dilihat sama ada ia mempunyai ciri kaya, miskin, indah, hodoh, kasar, lemah lembut, dan sebagainya mengikut pendapat dan perasaan pengguna bahasa tersebut. Jika analisis dilakukan terhadap pendapat dan perasaan pengguna bahasa tersebut, maka kajian tentang sikap yang positif dan negatif terhadap pekerjaan, beliau mendefinisikan sikap sebagai:

“... a state of mind that an individual has not only in his or her relationship with others but also within his or her ownself. An attitude can be positive, negative or neutral”. (1993, hlm. 1).

Definisi yang diberikan oleh Asmah jelas menunjukkan bahawa sikap ialah “keadaan minda” seseorang individu. Sikap boleh berkaitan dengan orang lain dan juga dengan diri individu itu sendiri. Sikap boleh positif, negatif, dan neutral. Sikap positif lahir bersama-sama fikiran yang positif. Sikap yang positif juga menghasilkan kesan yang positif. Begitu juga sebaliknya. Sikap menurut Asmah, merupakan aktiviti mental yang dapat diukur dengan penilaian yang positif, negatif, atau neutral.

Asmah (1992) juga berpendapat bahawa sikap boleh dilihat berdasarkan “...*the way an individual feels and thinks about something or someone*”. (1992, hlm. 118) yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, sikap juga boleh lahir daripada cara individu melahirkan perasaan dan fikiran terhadap sesuatu atau seseorang.

JENIS-JENIS SIKAP

Gambaran jenis-jenis sikap pengguna terhadap istilah bahasa Melayu melibatkan responden (pengguna istilah) sendiri melalui kajian lapangan, iaitu melalui kaedah temu ramah dan soal selidik. Oleh yang demikian, sebanyak sepuluh jenis sikap yang menggambarkan ‘a state of mind’ responden dapat dikenal pasti. Sikap-sikap tersebut adalah seperti di bawah ini:

(1) Sikap Yakin terhadap Bahasa Sendiri

Kamus Dewan (1991), hlm. 1408), menerangkan makna **yakin** sebagai “betul-betul percaya (tentang kebenaran, kemampuan dll. sesuatu atau seseorang), tidak ragu-ragu (syak) lagi pasti benar”. **Sikap yakin** dalam data menunjukkan sikap yang mempercayai kemampuan bahasa Melayu untuk dijadikan istilah. Responden berpendapat bahawa bahasa Melayu juga kaya dengan kosa kata yang boleh diambil daripada bahasa-bahasa yang sekeluarga dengan bahasa Melayu atau daripada dialek dalam bahasa Melayu sendiri. Sikap yakin terhadap bahasa sendiri menunjukkan sikap bahasa yang positif terhadap kemampuan bahasa sendiri.

(2) Sikap Liberal terhadap Kata Pinjaman

Sikap liberal terhadap kata pinjaman merupakan sikap yang terbuka tanpa had terhadap kemasukan kata-kata dari bahasa Inggeris dalam peristilahan

bahasa Melayu. Tanpa had dalam konteks **sikap liberal** ini merujuk kepada penggunaan istilah bahasa Inggeris dalam semua kehidupan terutama dalam bidang kehidupan golongan profesional.

Sikap liberal tidak menunjukkan pertimbangan mana istilah yang harus dipinjam dan mana istilah yang perlu diambil daripada bahasa sendiri. Dengan perkataan lain, semua istilah harus dipinjam dan dijadikan istilah Melayu. persoalan kebanggaan linguistik bagi masyarakat penutur dan negara tidak menjadi soal dan tidak wujud sama sekali.

(3) **Sikap Adaptif terhadap Bahasa**

Menurut Asmah Haji Omar (1985), yang dimaksudkan dengan **sikap adaptif terhadap bahasa** ialah sikap yang terbuka kepada pembaharuan apabila diperlukan oleh keadaan. Ini bermakna **sikap adaptif** dalam peristilahan merujuk kepada pengubahsuaian sistem dan peraturan dalam bahasa Melayu supaya terdapat satu pedoman atau tatacara dalam pembentukan istilah yang dapat menghasilkan lebih banyak istilah dalam bahasa Melayu. Berdasarkan contoh kajian, sikap adaptif sememangnya mempengaruhi responden.

Pembinaan istilah untuk keperluan peringkat rasmi, peringkat ilmu, dan peringkat ikhtisas memerlukan rancangan pembinaan. dengan perkataan lain, keperluan akan pembinaan korpus peristilahan yang terancang telah pun membuktikan sikap adaptif ini.

(4) **Sikap Gah**

Definisi **gah** dalam kamus adalah keangkuhan dan kebanggaan (Kamus Dewan: 1986, hlm. 306). Sesuai dengan penerangan gah mengikut kamus, maka **sikap gah** dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan istilah yang khusus oleh pakar bidang dan hakikat konsep ilmu pada pakar bidang. Hanya melalui pengajaran dan pembelajaran sahaja pengguna istilah layak memahami istilah-istilah yang digunakan oleh pakar bidang.

(5) **Sikap Kerdilan Bahasa**

Sikap kerdilan bahasa dipetik daripada **teori kerdilan bahasa** yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1983). Menurut teori tersebut seluruh bahasa itu lemah, serba kurang dan tidak layak memegang peranannya yang serba agung. Namun begitu, menurut Asmah **kerdilan bahasa Melayu** hanya merujuk kepada kerdilan dalam bidang peristihan yang khusus. Sebagai satu sistem, baik dari segi bunyi mahupun dari segi nahu, bahasa Melayu sudah lengkap dan tidak mengalami kerdilan. Oleh yang demikian **sikap kerdilan bahasa**, dalam data kajian ini merujuk kepada ketidakupayaan kata-kata bahasa Melayu bertindak sebagai istilah-istilah yang khusus dalam pelbagai bidang ilmu.

Responden mencadangkan adalah lebih baik dicipta kata-kata yang baru sama sekali daripada mengambil kata-kata yang sedia ada dalam bahasa Melayu.

(6) **Sikap Memihak kepada Istilah Pinjaman**

Sikap memihak kepada istilah pinjaman dalam data kajian, merujuk kepada istilah pinjaman daripada bahasa Inggeris. Sikap ini lahir kerana bagi responden istilah pinjaman merupakan cara mudah untuk mendapatkan istilah, istilah-istilah bahasa Inggeris lebih luas penyebarannya berbanding istilah-istilah yang sama konsepnya dalam bahasa Melayu. Sikap memihak kepada istilah pinjaman juga murni, iaitu untuk memperbesarkan leksikon dalam bahasa Melayu.

Jika istilah standard dalam bahasa Melayu, tidak berupaya menjadi istilah, maka responden sebenarnya **memihak kepada bentuk istilah pinjaman**, bukan mengikut langkah kedua dalam tatacaraa pembentukan istilah.

(7) **Sikap Toleransi terhadap Istilah**

Sikap ini menunjukkan kesediaan mental untuk bertolak ansur terhadap istilah dalam bentuk kata pinjaman atau dalam bahasa Melayu, terutama dalam proses pemantapan istilah yang berlaku sekarang. bagi responden, penggunaan istilah dalam bahasa Melayu atau bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris adalah mengikut keperluan.

(8) Sikap Defensif

Menurut penerangan kamus Collins (1992), 'defensive' bermaksud mempertahankan diri untuk menutup kelemahan diri. Sikap defensif merujuk kepada sikap yang negatif yang cuba mengelak kebenaran untuk mempertahankan diri. Dalam hubungan ini yang bersikap defensif ialah badan pembinaan dan pengembangan bahasa sendiri iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penyelaras aktiviti penggubalan istilah sebaiknya memberi peluang kepada semua pengguna istilah melahirkan perasaan mereka terhadap istilah-istilah yang diterbitkannya. Sikap cuba mempertahankan diri terhadap semua bantahan yang digunakan oleh pengguna istilah sesungguhnya merugikan Dewan Bahasa dan Pustaka.

(9) Sikap Menurut Bimbingan

Sikap ini ditunjukkan oleh data yang mengatakan "beri kuasa kepada mereka yang arif dan manual yang telah ditentukan untuk menentukan ketepatan sesuatu istilah".

(10) Sikap Acuh Tak Acuh

Sikap ini diberikan oleh responden yang melahirkan perasaan dan pendapat yang 'no comment' terhadap beberapa istilah yang dikemukakan. Kemungkinan responden sememangnya tidak mempunyai sebarang pendapat pada ketika itu, enggan memberi kerjasama, kurang ambil peduli atau menganggap isu istilah ini tidak penting dan hanya membuang masa sahaja.

PENUTUP

Kajian awal tentang sikap terhadap istilah ini seperti yang dijelaskan di atas dapat membantu kita menilai kembali usaha-usaha perancangan dan pembinaan istilah dalam bahasa Melayu pada masa hadapan. Terdapat lima jenis sikap yang memberatkan bentuk istilah pinjaman terutamanya bentuk istilah pinjaman dalam bahasa Inggeris. Sikap-sikap tersebut ialah sikap liberal terhadap kata pinjaman, sikap adaptif terhadap bahasa, sikap

kerdil bahasa, sikap memihak kepada istilah pinjaman, dan sikap toleransi terhadap istilah.

Sikap terhadap istilah ini juga memberi petunjuk kepada sikap linguistik terhadap bahasa Melayu dan bahasa asing terutama bahasa Inggeris yang digunakan sebagai sumber istilah dalam bahasa Melayu. Sikap bahasa yang menunjukkan susah atau senang sesuatu bahasa, canggih atau pentingnya sesuatu bahasa untuk bertindak sebagai bahasa ilmu dalam korpus perancangan bahasa telah dapat dibuktikan.

Secara implisitnya kajian sikap ini menunjukkan kajian sikap bahasa terhadap variasi bahasa yakni bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa yang serumpun dengan bahasa Melayu, sikap bahasa terhadap kedwibahasaan, dan sikap bahasa terhadap kebanggaan bahasa.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Atory Hussain. 1991. *Pengurusan Organisasi*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar 1983. *Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaannya*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar 1985. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar 1992. *The Linguistic Scenery In Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar 1993. "Attitudes at Work". Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Secretary Week*. Johor Baharu, April 1993.
- Collins Cobuild. 1992. *English Language Dictionary*. Harper Collins Publishers, London.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1993. *Perancangan Belanjawan Bahagian Peristilahan*, Jabatan Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Fasold, Ralph. 1984. *Sociolinguistics of Society*, Basil Blackwell Publisher Limited, England.
- Kamus Dewan*. 1986. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.